

Headline	78 peratus pesakit HIV belia 19 hingga 39 tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	30	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,794
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,381



78 peratus pesakit HIV belia 19 hingga 39 tahun

KUALA LUMPUR: Sebanyak 78 peratus daripada pesakit 'human immunodeficiency virus infection' (HIV) terdiri dari golongan belia antara usia 19 dan 39 tahun.

Pengarah Bahagian Latihan dan Peningkatan Kapasiti, Majlis Aids Malaysia (MAC), Zamzuri Abdul Malik berkata, MAC kini menumpu-

kan langkah kesedaran kepada orang ramai agar tidak memandang serong golongan berkenaan kerana mereka berhak hidup seperti masyarakat normal.

Menurutnya, pandangan buruk terhadap penghidap HIV mesti dihentikan segera kerana teknologi perubatan telah mencipta ubat yang boleh mengawal penularan vi-

rus itu.

"Mereka kini boleh hidup seperti manusia biasa yang menghidap selesema dengan syarat sentiasa berdisiplin mengambil ubat percuma yang dibekal kerajaan.

"Kami mahu sebarkan maklumat tepat berkenaan jangkitan ini sebenarnya tidak lagi berbahaya kerana ia

adalah penyakit terkawal seperti jantung dan kencing manis," katanya ditemui selepas program 'Getting to Zero' anjuran bersama Kolej SEGi, Subang Jaya.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa berusaha membantu pesakit HIV untuk meneruskan kehidupan dengan memberikan mereka motivasi serta didikan.